Universiti Malaya
2 October at 16:47 ·

PENAFIAN

Universiti Malaya (UM) ingin menegaskan bahawa pihaknya tidak mempunyai sebarang penglibatan atau kaitan dengan tawaran perolehan yang sedang diedarkan seperti di atas.

Gambar staf yang dipaparkan juga telah disalah guna untuk memperdaya mangsa dalam urusan tawaran perolehan, termasuk urusan pembekalan, pelantikan vendor, dan sebarang transaksi berkaitan.

Sehubungan itu, orang awam dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang bayaran atau memberikan maklumat/dokumen kepada mana-mana pihak berhubung tawaran tersebut.

Sebarang urusan perolehan UM hanyalah dibuat melalui saluran rasmi https://first.um.edu.my/.

Sekian, harap maklum. See less





